

Nurul Izzah bukan lagi Penasihat Kanan Ekonomi PM

KUALA LUMPUR: Bekas Ahli Parlimen Permatang Pauh, Nurul Izzah Anwar menerima tawaran berkhidmat di bawah Sekretariat Jawatankuasa Penasihat Menteri Kewangan sekali gus menamatkan peranannya sebagai Penasihat Kanan Ekonomi dan Kewangan Perdana Menteri.

Dalam kenyataan medianya, Nurul Izzah diundang untuk menyertai pasukan Jawatankuasa Penasihat kepada Menteri Kewangan yang dipengerusikan Tan Sri Mohd. Hassan Marican untuk perkukuhkan ekonomi negara dan rakyat.

“Saya dengan rendah diri menerima tanggungjawab ini. Menerusi peranan baharu ini, saya tidak lagi berkhidmat sebagai Penasihat Kanan Ekonomi dan Kewangan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

“Saya amat menghargai setiap peluang untuk menyumbang kepada negara demi mela-

kar masa depan yang lebih baik untuk Malaysia,” jelasnya dalam kenyataan itu.

Sementara itu, Hassan dalam satu kenyataan memberitahu, jawatankuasa penasihat tersebut akan memberi fokus mengenai cara dan sumber yang boleh meningkatkan pendapatan negara dan mengurangkan perbelanjaan mengurus.

“Jawatankuasa Penasihat juga akan menasihati Menteri Kewangan dalam perkara berkaitan subsidi, termasuk menyemak dan menyusun semula subsidi sedia ada serta penyediaan perlindungan sosial yang lebih holistik.

“Perkara berkaitan GLC juga termasuk seperti menentukan rangkaiannya dengan kerajaan selain menyatukan mengikut kesesuaian. Selain itu, akan dinasihatkan perkara berkaitan hutang negara dan tadbir urus yang baik,” katanya.